



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/07/27\_52 (HQ)

### BEBERAPA KAWASAN ALAMI GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

Beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia sedang mengalami gangguan elektrik sejak jam 12:39 tengahari ini melibatkan 2.2GW yang merupakan 10% daripada keseluruhan permintaan bekalan.

Antara kawasan-kawasan terlibat adalah di Petaling Jaya, Cheras, Bangi, Bayan Lepas, Seberang Jaya, Panchor dan Bandar Indera Mahkota. Walaubagaimanapun, bekalan telah dipulihkan sepenuhnya dalam tempoh 20 hingga 40 minit di semua kawasan terlibat kecuali di kawasan-kawasan terbabit di Lembah Klang.

Punca kejadian sedang dikenalpasti dan usaha sedang giat dijalankan untuk memulihkan bekalan.

TNB akan memaklumkan kepada para pelanggan dari masa ke semasa. Kami memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami oleh pengguna semasa gangguan bekalan ini.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Julai 2022, jam 2:25 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*